

11 NOV 2000

Najib-Umno

PERALIHAN LANCAR DALAM UMNO, KATA NAJIB

SINGAPURA, 11 Nov (Bernama) -- Umno dijangka mengalami peralihan kepimpinan yang lancar hasil kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kata naib presiden parti itu Datuk Seri Najib Tun Razak.

Dalam satu temubual dengan akhbar Straits Times Singapura, Najib berkata Umno sudah berjaya mendapat semula sebahagian sokongan orang Melayu yang hilang pada pilihan raya umum lepas kepada Pas dan Parti Keadilan Nasional.

"Saya yakin Dr Mahathir akan mengekalkan peralihan yang lancar. Beliau merupakan ahli politik yang bertanggungjawab dan sentiasa menjaga kepentingan negara," kata Najib.

Ditanya sama ada beliau menerima Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menjadi presiden Umno berikutnya, Najib berkata: "Saya boleh bekerja dengan baik dengan Pak Lah (Abdullah). Dan jika kami terus bekerja dengan baik dan percaya antara satu sama lain, saya tidak nampak sebarang masalah.

"Saya yakin dengan pemimpin yang dilantik oleh parti, bahawa kita patut cuba menyokong satu sama lain demi kepentingan parti. Yang penting bukan siapa yang memimpin sebaliknya parti muncul sebagai satu kuasa."

Najib berkata bahawa malang bagi Dr Mahathir, yang kini berkhidmat bagi penggal kelima sebagai perdana menteri, kerana terpaksa menanggung serangan daripada parti lawan.

"Pembangkang amat bijak untuk melonggokkan semua perkara kepadanya. Tetapi beliau merupakan seorang negarawan yang berani bercakap dan akibatnya beliau mendapat layanan buruk terutama daripada media Barat.

"Ini tidak bermakna bahawa tanpa Dr Mahathir, perkara menjadi lebih baik. Ia mungkin lebih buruk. Kita tidak harus terjerumus dalam perangkap yang disusun dengan baik oleh pembangkang," katanya.

Najib berkata Umno telah membuat penilaian semula sejak kehilangan asas pada pilihan raya umum lepas dan "terdapat sedikit" perubahan daripada segi kedudukannya di kalangan orang Melayu sejak itu.

Ditanya sama ada beliau akan menjadi Perdana Menteri, Najib berkata beliau tidak suka menjawab soalan itu yang telah menjadi beban utama mulai hari beliau menyertai politik.

"Tetapi falsafah saya...setiap orang bercita-cita besar dalam politik. Saya kerap kali mengambil jalan selamat dan tidak menonjolkan diri. Apa sahaja yang akan berlaku, biar ia melalui proses biasa," kata Najib, 47, anak sulung Perdana Menteri Malaysia kedua yang kini sudah 24 tahun menceburi politik.

-- BERNAMA

TCL LAT MAI